

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Pemberian pinjaman BMF masih disiasat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, siasatan masih dijalankan terhadap isu pemberian pinjaman oleh Bumiputra Malaysia Finance (BMF) kepada tiga syarikat pelaburan di Hong Kong.

"Sehingga saya mendapat butir-butir mengenainya, saya tidak dapat menyatakan apa-apa kerana penyiasatan masih berjalan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-34, di sini, semalam.

Menurut Perdana Menteri, Bank Bumiputra sedang berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan isu itu.

Tetapi, beliau enggan mengulas tentang tindakan yang diambil oleh bank itu untuk mendapatkan semula wang pinjaman yang dianggarkan berjumlah \$1,000 juta.

Bila ditanya sama ada beliau menerima laporan dari Bank Bumiputra, Datuk Seri Dr Mahathir

berkata: "Kadang-kadang ada."

Sementara itu, perwakilan dari Negeri Sembilan, Encik Shahadan Haji Hashim, pula membangkitkan pemberian pinjaman itu dalam perbahasan perhimpunan agung itu.

Katanya, kes itu dijadikan bahan ketawa di luar negeri kerana kebijaksanaan anak syarikat Bank Bumiputra dalam mengeluarkan pinjaman yang begitu besar boleh dipersoalkan.

Encik Shahadan, ketika menyokong usul terima kasih di atas ucapan dasar Presiden Umno, menegaskan bahawa pinjaman itu tidak bijak, terutama kerana masa depan tanah jajahan itu masih belum jelas.

"Tempoh perjanjian jajahan itu hampir tamat dan ia akan diserahkan kepada Republik China dan menjadi kebiasaan negara itu memilik-negaraan syarikat asing.

"Bagaimana hal ini tidak disedari dan tidak terfikir?" tegasnya.